

27 Ogos 2020 (Khamis)



Matrix Concepts catat jualan harta tanah baru RM350j

SEREMBAN: Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) mencatatkan jualan harta tanah baharu bernilai RM350.3 juta untuk tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2020 walaupun berdepan dengan cabaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak Covid-19.

Pendapatan itu meningkat 9.3 peratus berbanding RM320.4 juta pada tahun sebelumnya yang disokong jualan dalam talian dan platform pemasaran serta permintaan tinggi pembangunan harta tanah di Sendayan di Seremban serta Bandar Seri Impian di Johor.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Hasliah Mohamad Amin (**gambar**) berkata, pendapatan itu membantu mengimbangi sektor lain syarikat itu yang terjejas akibat PKP seperti pembinaan, hospitaliti, pendidikan dan kesihatan dari April hingga Mei 2020.

"Ketika dunia dibelenggu dengan realiti baharu akibat wabak Covid-19, kami bertekad untuk terus bergerak ke depan dalam masa sukar ini.

"Pada suku pertama tahun ini, kami berdepan situasi mencabar akibat PKP dan aktiviti pembinaan terhenti selama dua bulan.

"Namun, kami meningkatkan aktiviti jualan dan pemasaran untuk menyasarkan lebih banyak peluang baharu, disokong dengan jualan dalam talian serta platform pemasaran yang kami melabur sejak dua tahun lalu," katanya dalam kenyataan semalam.